

DS 3 MEWUJUDKAN KOMUNITI LESTARI

Penyediaan kemudahan seperti kemudahan pendidikan, kesihatan, keselamatan, keagamaan dan kemudahan masyarakat merupakan faktor penting bagi mewujudkan komuniti lestari di samping meningkatkan taraf kualiti kehidupan masyarakat desa. Oleh itu, kemudahan-kemudahan masyarakat penting dan perlu disediakan mengikut keperluan penduduk desa.

DS 3.1: Menyediakan Kemudahan Pendidikan bagi Pembangunan Intelektual Masyarakat Desa

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Menaiktaraf kemudahan pendidikan yang meliputi tadika, sekolah rendah, sekolah menengah serta institusi pengajian tinggi dan kolej bagi menampung keperluan penduduk desa di Johor Utara.
- Menyediakan dan memberi suasana dan kualiti persekitaran pembelajaran serta memberikan pendidikan yang formal kepada masyarakat desa yang sama seperti di bandar.
- Menambah bilangan kemudahan pendidikan di Johor Utara berdasarkan unjuran yang telah dilakukan.

Komponen Cadangan:

- Memastikan bilangan kemudahan pendidikan mampu menampung penduduk semasa di kawasan desa.
- Menentukan lokasi yang sesuai untuk penyediaan kemudahan pendidikan dengan mengambil kira jarak dari rumah ke kemudahan pendidikan.
 - Sekolah rendah – 2.5 km
 - Sekolah menengah – 5.0 km
- Menyediakan dan memberi suasana dan kualiti persekitaran pembelajaran serta memberikan pendidikan yang formal kepada masyarakat desa yang sama seperti di bandar.

Kaedah Pelaksanaan:

- Program bimbingan pendidikan yang dianjurkan di peringkat sekolah dapat memberikan keyakinan diri.
- Pelaksanaan projek melalui kerjasama antara JPJK dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

CADANGAN LOKASI

Cadangan menaik taraf dan melibatkan Program-Program Pendidikan.

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Daerah • BPEJN 	<ul style="list-style-type: none"> • PBT • Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) • KPLB

ANGGARAN KOS

- 31 unit/Daerah Muar
- 8 unit/Daerah Segamat
- 4 unit/Daerah Tangkak

Jumlah Kos: RM 21,500,000

FASA PELAKSANAAN



Penemuan Strategik

Bilangan sekolah menengah di Daerah Segamat adalah lebih mendominasi berbanding Daerah Muar dan Tangkak iaitu sebanyak 11 sekolah menengah yang ditawarkan.

Sekolah Menengah

Muar - 9
Segamat - 11
Tangkak - 2



Bagi sekolah rendah pula, daerah Muar yang mempunyai jumlah bilangan penawaran tertinggi di kawasan desa iaitu sebanyak 61 buah sekolah rendah yang merangkumi Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Sekolah Rendah

Muar - 61
Segamat - 55
Tangkak - 42



Penawaran semasa kemudahan Pendidikan yang terdapat di daerah Johor Utara dapat menampung keperluan masyarakat desa dengan pelbagai program-program yang dapat membentuk daya pemikiran yang kritikal untuk meningkatkan intelektual masyarakat desa.

Jarak dari kawasan desa ke sekolah juga memainkan peranan yang penting dengan tahap kemudahsampaian yang tinggi untuk menggalakkan masyarakat desa ke sekolah. Jarak yang disyorkan bagi sekolah rendah adalah 2.5km manakala bagi sekolah menengah pula adalah 5km dari kawasan desa.

Dari segi piawaian perancangan pula, kawasan desa perlu mempunyai sebuah piawaian perancangan yang khusus. Ini kerana kawasan desa mempunyai populasi yang berbeza dengan kawasan bandar. Garis panduan perancangan yang disediakan adalah lebih kepada kawasan bandar. Piawaian-piawaian yang dicadangkan adalah tidak sesuai kerana penyediaan kemudahan masyarakat adalah berdasarkan populasi sesebuah petempatan itu. Namun, kawasan desa tidak mempunyai populasi yang banyak seperti kawasan bandar dan menyebabkan garis panduan yang tersedia adalah kurang sesuai.



Foto: Sekolah Kebangsaan Sagil, Tangkak

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

Program Bimbingan Pendidikan

Mewujudkan program bimbingan pendidikan secara bersepadu untuk pelajar di desa.

Antara cadangan aktiviti program ini adalah seperti berikut:

- Pusat tuisyen komuniti
- Program mentor mentee
- Perpustakaan mini
- Kemahiran komunikasi
- Ceramah komunikasi
- Bengkel kaunseling

Pembangunan modal insan juga bertujuan memastikan masyarakat desa mempunyai ilmu pengetahuan serta kepakaran tinggi bagi penyediaan guna tenaga dalam mempraktikkan dalam kehidupan untuk tujuan pertanian, penternakan dan kehidupan harian di desa.

Ini bertujuan melahirkan masyarakat yang berkemahiran, komunikasi berkesan, kebolehan menggunakan teknologi komunikasi maklumat (ICT) dengan baik, berupaya menjadi pemimpin berkesan dalam keluarga dan masyarakat.

Selain pendidikan formal di sekolah, masyarakat desa juga lebih cenderung dengan mempelajari pendidikan tidak formal yang diberi tunjuk ajar dan nilai-nilai murni daripada ibu bapa mahupun masyarakat desa. Namun, pendidikan tidak formal ini perlu diiringi dengan program-program pendidikan yang mampu mengasah bakat desa untuk memperkembangkan ilmu pengetahuan yang lebih meluas.



Foto: Program Bimbingan Pendidikan

Sumber: Google Images, 2021

Unjuran Kemudahan Pendidikan

Aspek penawaran kemudahan pendidikan adalah berdasarkan bilangan penduduk dan keperluan masa hadapan adalah berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan oleh PLANMalaysia iaitu dengan penggunaan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat. Perincian piawaian kemudahan pendidikan adalah seperti berikut:

Sekolah Menengah – 1 : 15,000 penduduk

Sekolah Rendah – 1 : 7,500 penduduk

Jadual 5.22: Unjuran Keperluan Kemudahan Pendidikan (Sekolah Menengah) di Daerah Muar

Daerah	Mukim	Bilangan Penduduk 2020	Bilangan Penduduk 2030	Penyediaan Semasa	Keperluan 2030	Keperluan Tambahan 2030
Muar	Bandar	113,869	149,593	2	5	3
	Bakri	40,783	54,848	1	4	3
	Sungai Terap	15,036	20,222	-	1	1
	Sungai Raya	8,695	11,694	1	1	-
	Parit Bakar	13,226	17,787	1	1	-
	Parit Jawa	12,783	16,212	1	1	-
	Seri Menanti	13,520	17,146	1	1	-
	Sungai Balang	13,398	16,992	1	1	-
	Ayer Hitam	8,877	11,258	1	1	-
	Jorak	23,479	113,122	3	8	5
	Lenga	7,558	9,231	1	1	-
Bukit Kepong	10,278	12,582	-	1	1	

Sumber: Olahan daripada Rancangan Tempatan Daerah Muar 2030 (Penggantian)

Jadual 5.23: Unjuran Keperluan Kemudahan Pendidikan (Sekolah Menengah) di Daerah Segamat

Daerah	Mukim	Bilangan Penduduk 2020	Bilangan Penduduk 2030	Penyediaan Semasa	Keperluan 2030	Keperluan Tambahan 2030
Segamat	Bekok	3,491	3,548	1	-	-
	Buluh Kasap	27,725	29,029	3	3	-
	Chaah	13,067	14,837	2	1	1
	Gemas	13,555	14,192	1	1	-
	Gemereh	6,729	6,967	1	-	-
	Jabi	5,851	5,870	1	-	-
	Jementah	18,723	20,600	2	1	-
	Labis	32,922	36,770	3	2	-
	Pogoh	24,964	26,470	-	2	2
	Sermin	1,638	1,677	-	-	-
Sungai Segamat	48,368	55,069	10	3	3	

Sumber: Olahan daripada Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2030 (Penggantian)

Jadual 5.24: Unjuran Keperluan Kemudahan Pendidikan (Sekolah Menengah) di Daerah Tangkak

Daerah	Mukim	Bilangan Penduduk 2020	Bilangan Penduduk 2030	Penyediaan Semasa	Keperluan 2030	Keperluan Tambahan 2030
Tangkak	Tangkak	66,839	101,055	4	6	2
	Grisek	26,423	29,286	1	2	1
	Serom	27,365	35,539	2	2	-
	Bukit Serampang	7,142	6,662	2	2	-
	Kesang	15,613	17,203	2	2	-
	Kundang	3,298	3,146	-	-	-

Sumber: Olahan daripada Rancangan Tempatan Daerah Tangkak 2030

Jadual 5.25: Unjuran Keperluan Kemudahan Pendidikan (Sekolah Rendah) di Daerah Muar

Daerah	Mukim	Bilangan Penduduk 2020	Bilangan Penduduk 2030	Penyediaan Semasa	Keperluan 2030	Keperluan Tambahan 2030
Muar	Bandar	113,869	149,593	11	20	9
	Bakri	40,783	54,848	6	7	1
	Sungai Terap	15,036	20,222	3	3	-
	Sungai Raya	8,695	11,694	3	2	-
	Parit Bakar	13,226	17,787	4	2	-
	Parit Jawa	12,783	16,212	9	2	-
	Seri Menanti	13,520	17,146	2	2	-
	Sungai Balang	13,398	16,992	8	2	-
	Ayer Hitam	8,877	11,258	1	2	1
	Jorak	23,479	113,122	7	15	8
Lenga	7,558	9,231	5	1	-	
Bukit Kepong	10,278	12,582	2	2	-	

Sumber: Olahan daripada Rancangan Tempatan Daerah Muar 2030 (Penggantian)

Jadual 5.26: Unjuran Keperluan Kemudahan Pendidikan (Sekolah Rendah) di Daerah Segamat

Daerah	Mukim	Bilangan Penduduk 2020	Bilangan Penduduk 2030	Penyediaan Semasa	Keperluan 2030	Keperluan Tambahan 2030
Segamat	Bekok	3,491	3,548	4	1	-
	Buluh Kasap	27,725	29,029	12	9	-
	Chaah	13,067	14,837	4	5	1
	Gemas	13,555	14,192	10	5	-
	Gemereh	6,729	6,967	1	2	1
	Jabi	5,851	5,870	2	1	-
	Jementah	18,723	20,600	8	6	-
	Labis	32,922	36,770	13	10	-
	Pogoh	24,964	26,470	7	7	-
	Sermin	1,638	1,677	1	1	-
Sungai Segamat	48,368	55,069	21	15	-	


Sumber: Olahan daripada Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2030 (Penggantian)

Jadual 5.27: Unjuran Keperluan Kemudahan Pendidikan (Sekolah Rendah) di Daerah Tangkak

Daerah	Mukim	Bilangan Penduduk 2020	Bilangan Penduduk 2030	Penyediaan Semasa	Keperluan 2030	Keperluan Tambahan 2030
Tangkak	Tangkak	66,839	101,055	22	14	-
	Grisek	26,423	29,286	14	5	-
	Serom	27,365	35,539	19	5	-
	Bukit Serampang	7,142	6,662	8	1	-
	Kesang	15,613	17,203	4	3	-
	Kundang	3,298	3,146	0	1	1

Sumber: Olahan daripada Rancangan Tempatan Daerah Tangkak 2030

Rajah 5.15: Taburan Kemudahan Pendidikan Johor Utara



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

PETUNJUK:

- IPT/Kolej
- Sekolah Menengah
- Sekolah Rendah
- ◆ Tadika
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara)
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut